



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 SEPTEMBER 2016



**DR. MAHATHIR MOHAMAD menunjukkan sijil pendaftaran PPBM sambil diperhatikan Muhyiddin Yassin di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN**

## Kemungkinan PPBM jalin kerjasama dengan Anwar

Um - 10/9/2016

**PUTRAJAYA 9 Sept.** - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan bekerjasama dengan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kalau saya boleh bekerjasama dengan Lim Kit Siang (Penasihat DAP), kenapa pula tidak dengan Anwar?" katanya.

Jelasnya, parti-parti pembangkang perlu bersatu dan bekerjasama jika tidak mahu kalah seperti yang telah berlaku kepada mereka sejak 59 tahun lalu.

"Jadi, sekiranya mahu menukar kerajaan sekarang atau menentukan kepemimpinan baharu, parti pembangkang perlu bekerjasama rapat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pihak Pendaftaran Pertubuhan (ROS) berhubung pendaftaran PPBM, di sini hari ini.

PPBM turut menerima sijil pendaftaran menandakan parti itu kini sah sebagai sebuah parti politik.

Yang turut hadir Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau ditanya sama ada terdapat perbincangan untuk mengadakan kerjasama antara PPBM dan PKR ketika bekas Perdana Menteri itu bertemu Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Isnin lalu.

Mengulas tentang pertemuan itu, Dr. Mahathir menjelaskan, kedua-dua mereka tidak membincangkan berhubung isu kerjasama tersebut pada ketika itu.

Kata beliau, mana-mana parti yang tidak mahu bergabung atau bekerjasama dengan gabungan parti pembangkang, parti itu sebenarnya berjuang untuk Barisan Nasional (BN) mengekalkan pemerintahan.

"Sebab itu kita berusaha memastikan parti pembangkang bekerjasama dan bergabung menentang BN," katanya.

Ditanya sama ada parti pembangkang yang dimaksudkan itu termasuk Pas, Dr. Mahathir berkata, semua parti lawan perlu bekerjasama dalam satu bentuk kerjasama.